

29/09/1998

Sapok impikan emas lebih awal

KUALA LUMPUR, Isnin - Kejayaan bersejarah Sapok Biki memenangi pingat emas sulung tinju Sukan Komanwel, sudah terhidu lebih awal apabila terpilih sebagai Peninju Terbaik pada Kejohanan Piala Presiden Seychelles, Jun lalu.

Ketika memenangi pingat emas kategori 48kg (light flyweight) pada kejohanan itu, peninju 24 tahun dari Sarawak itu menewaskan ramai peninju handalan benua Afrika yang turut mengambil bahagian.

Sesudah itu, Persatuan Tinju Amatur Malaysia (PTAM) menghantarnya berlatih lima minggu di Thailand dan oleh itu, tidak hairan keyakinan Sapok memburu pingat pertama semakin memuncak.

"Jangan terkejut jika saya dapat pingat nanti," kata Sapok dua minggu sebelum Sukan Komanwel XVI.

Ketika melangkah ke gelanggang hampir kosong buat pertama kali pada peringkat suku akhir, Sapok menewaskan peninju Zambia, Kennedy Kanyata 23-6 dan dua hari kemudian menyingkirkan pula peninju England, Gary Jones.

Keinginannya selepas itu bertukar kepada pemburuan pingat emas.

Justeru, Sapok mengharapkan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ribuan penyokong pada hari pertarungan bersejarah menentukan pingat emas itu.

Selain ibu bapanya dan hampir 8,000 penonton yang membakar semangatnya, Dr Mahathir memenuhi hasrat Sapok di Stadium Malawati, Shah Alam.

Kesudahannya, Sapok menang 19-13 ke atas peninju Kenya, Moses Kinyua.

Selain pingat emas, tinju negara mendapat pengiktirafan apabila Adnan Yusoh memenangi pingat gangsa kategori 54kg (bantamweight).

Sesungguhnya, kejayaan Sapok dan Adnan itu mengangkat martabat tinju Malaysia ke tahap tertinggi.

Malah kuasa tinju dunia yang bernaung di bawah payung Komanwel seperti Kenya, England, Wales, Ireland Utara, Kanada dan Australia terpegun dan menerima hakikat peninju Malaysia bukan lagi budak belasan.

(END)